



KERATAN AKHBAR

AKHBAR	:	SINAR HARIAN		
TARIKH	:	4/12/2019	MUKA SURAT	: 34
JABATAN	:	JPS		
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN		

JKM peruntuk RM1 juta sedia keperluan mangsa

PASIR PUTEH - Kerajaan memperuntukkan sebanyak RM1 juta bagi menyediakan keperluan kepada mangsa-mangsa banjir di Kelantan tahun ini.

Ketua Pengarah Jabatan Kebajikan Malaysia (JKM), Zulkifli Ismail berkata, peruntukan itu bagi menyediakan selimut, tilam, susu bayi, kit kecemasan bagi memberi keselesaan kepada mangsa banjir yang ditempatkan di pusat pemindahan sementara (PPS).

"Bantuan ini sebenarnya melibatkan kerajaan negeri dan kerajaan Persekutuan. Kerajaan negeri biasanya menyalurkan bantuan membabitkan keperluan makanan melalui bantuan bencana darurat.

"Peruntukan yang diberikan ini berda-

sarkan data bilangan mangsa yang ada. Persediaan sudah dilakukan untuk setiap negeri tetapi buat masa ini keutamaan khusus adalah untuk Kelantan dan Terengganu," katanya ketika ditemui di PPS Sekolah Kebangsaan (SK) Kamil I di sini semalam.

Mengulas mengenai ada individu yang dikatakan menyamar sebagai mangsa banjir untuk mendapatkan bantuan, Zulkifli berkata, JKM hanya bertindak mendaftarkan individu di PPS sahaja.

"Untuk bantuan (selepas banjir), agensi dan jabatan lain yang terlibat mempunyai syarat dan pemilihan tersendiri bagi menentukan kelayakan mana-mana individu untuk menerima bantuan," katanya. - *Bernama*